

10th MALAYSIA STATISTICS CONFERENCE 2023

Looking Beyond GDP: Toward Social Well-being and Environmental Sustainability

26th September 2023
Sasana Kijang, Bank Negara Malaysia

Beyond GDP: Advancing Societal Well-being, Inclusive Growth and Achieving Shared Prosperity

Kajian Keberkesanan Program Sambutan Minggu Perpaduan 2023

Mohammad Abdul Hamid*^{1,3}; Maisarah Tajudin²; Sabariah Baharun¹

- ¹ Pertubuhan IKRAM Malaysia, Seri Kembangan, Malaysia. E-mail: mohammad.abdulhamid@ikram.org.my
- ² Kajian Dasar IKRAM Sdn. Bhd., Southville City, Malaysia. E-mail: kadri@ikram.org.my
- ³ Behavioural Insights Consultancy, Kuala Lumpur, Malaysia.

Abstrak:

Kajian keberkesanan program Sambutan Minggu Perpaduan 2023 (SMP) telah dilaksanakan untuk Kementerian Perpaduan Negara (KPN) bagi menilai pencapaian objektif-objektif program. Soal selidik dilaksanakan melibatkan seramai 7,009 orang responden yang terdiri dari pengunjung program SMP dari seluruh negara. Dapatan secara umumnya positif, majoriti responden (lebih 50%) bersetuju bahawa program SMP mencapai objektif-objektif yang ditetapkan. Namun, kaedah soal selidik yang dilaksanakan terbatas untuk menilai keberkesanan program kerana tiada perbandingan yang dibuat sebelum dan selepas, atau dengan kumpulan sasaran yang tidak hadir. Pada masa hadapan, kaedah penilaian keberkesanan program yang dicadangkan ialah seperti *pre-post*, *simple difference* atau *randomised evaluation*. Kajian dilaksanakan sebagai usaha untuk melaksanakan pendekatan dasar berasaskan bukti (*evidence-based policy*, EBP).

Kata-kata kunci:

Perpaduan; dasar berasaskan bukti (EBP)

1. Pengenalan:

Keberkesanan program yang dilaksanakan kerajaan bergantung kepada sejauh mana program tersebut berjaya mencapai objektif-objektif yang telah ditetapkan. Objektif-objektif program biasanya dibangunkan dengan merujuk kepada dasar-dasar berkaitan. Bagi KPN, dasar utama ialah Dasar Perpaduan Negara.

Pertubuhan IKRAM Malaysia (IKRAM) telah dilantik oleh KPN untuk melaksanakan kajian keberkesanan program Sambutan Minggu Perpaduan (SMP) yang berlangsung pada bulan Mei 2023 di seluruh negara.

Objektif-objektif kajian ini adalah seperti berikut:

1. Membangunkan kaedah penilaian keberkesanan untuk program SMP.
2. Melaksanakan penilaian keberkesanan terhadap program SMP.


Dapatan kajian telah dimanfaatkan untuk membangunkan cadangan-cadangan sebagai panduan untuk penilaian keberkesanan program SMP dan program-program KPN pada masa akan datang.

Untuk program SMP bagi tahun 2023, KPN telah menetapkan objektif-objektif berikut (KPN, 2023a):

1. Menyemarakkan semangat patriotik, taat setia dan perasaan cintakan negara dengan memahami dan menghayati Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara.
2. Meningkatkan kesedaran rakyat berbilang kaum tentang betapa pentingnya perpaduan negara dan Integrasi Nasional.
3. Menjadikan elemen perpaduan sebagai teras berlandaskan semangat hormat-menghormati, bekerjasama, bermuafakat serta bertoleransi.
4. Menyediakan peluang untuk masyarakat berinteraksi dalam program dan aktiviti yang dianjurkan.

2. Metodologi:

Kajian ini mengumpulkan data dari rujukan-rujukan berkaitan, soal selidik dan perbincangan kumpulan (bengkel) (Rajah 2.1).



Rajah 2.1

Satu set soal selidik telah dibangunkan. Soalan-soalan telah dibangunkan berdasarkan perbincangan dan input daripada KPN dan Institut Kajian dan Latihan Integrasi Nasional (IKLIN).

Soal selidik mengandungi 28 soalan dalam empat (4) bahagian seperti berikut:

- a. Latar belakang/Demografi
- b. Keberkesanan Program
- c. Kefahaman Tentang Konsep Perpaduan dan Patriotisme
- d. Cadangan Penambahbaikan


Soalan-soalan bahagian b. dan c. menggunakan skala Likert. Soal selidik diedarkan secara dalaman dan secara bercetak kepada pengunjung program di seluruh negara semasa program SMP berlangsung.

3. Dapatan:

Data soal selidik dibersihkan sebelum dianalisis menggunakan statistik deskriptif. Data dengan jawapan ekstrem untuk semua soalan (“Sangat setuju” atau “Sangat tidak setuju”) dan “tidak pasti” telah ditolak. Setelah dibersihkan, data untuk 4,348 responden digunakan untuk analisis.

Merujuk pada Rajah 3.1, 25.0% sangat bersetuju dan 71.7% bersetuju bahawa program SMP secara keseluruhannya telah mencapai objektif-objektif yang disasarkan, 2.6% menjawab tidak pasti dan 0.6% menjawab tidak setuju dan sangat tidak setuju.

Program ini secara keseluruhannya mencapai objektif-objektif yang disasarkan.



Rajah 3.1

Merujuk pada Rajah 3.2, 18.2% sangat bersetuju dan 77.2% bersetuju bahawa melalui program ini, responden dapat berinteraksi dengan rakan-rakan berlainan etnik/ kaum, 3.8% tidak pasti dan 0.8% menjawab tidak setuju dan sangat tidak setuju tentang kenyataan di atas.

Saya dapat berinteraksi dengan rakan-rakan dari etnik/ kaum lain ketika Program Sambutan Minggu Perpaduan Tahun 2023.



Rajah 3.2

Merujuk pada Rajah 3.3, Majoriti responden iaitu sebanyak 71.9% bersetuju dan 25.8% adalah sangat bersetuju bahawa program ini mampu meningkatkan tahap perpaduan dan integrasi di kalangan pengunjung. Hanya 2.0% menjawab tidak pasti dan bakinya 0.3% menjawab tidak setuju dan sangat tidak setuju dengan kenyataan di atas.

Program ini mampu meningkatkan tahap perpaduan dan integrasi di kalangan pengunjung.



Rajah 3.3

Merujuk kepada Rajah 3.4, majoriti responden iaitu sebanyak 26.5% sangat bersetuju dan 70.8% bersetuju bahawa program ini meningkatkan perasaan cintakan tanah air. Hanya 2.4% menjawab tidak pasti dan bakinya 0.3% menjawab tidak setuju dan sangat tidak setuju dengan kenyataan di atas.


Program ini meningkatkan perasaan cintakan tanahair (patriotisme).



Rajah 3.4

Merujuk kepada Rajah 3.5, majoriti responden iaitu sebanyak 26.6% sangat bersetuju dan 71.2% bersetuju bahawa program ini meningkatkan rasa hormat-menghormati antara kaum. Hanya 1.9% menjawab tidak pasti dan bakinya 0.4% menjawab tidak setuju dan sangat tidak setuju dengan kenyataan di atas.

Program ini dapat meningkatkan rasa hormat-menghormati antara kaum, yang merupakan kunci keamanan dan kesejahteraan negara.



Rajah 3.5

Merujuk kepada Rajah 3.6, majoriti responden iaitu sebanyak 29.7% sangat bersetuju dan 68.8% bersetuju bahawa program ini meningkatkan rasa bangga mereka menjadi rakyat Malaysia. Hanya 1.3% menjawab tidak pasti dan bakinya 0.3% menjawab tidak setuju dan sangat tidak setuju dengan kenyataan di atas.

Program ini meningkatkan rasa bangga saya menjadi rakyat Malaysia.



Rajah 3..6

Pengisian aktiviti yang paling disukai oleh responden (tiga tertinggi):

1. Pameran Agensi (60.8%)
2. Sukan Rakyat (55.6%)
3. Pertandingan Citarasa Menu Kami (41.3%).

4. Perbincangan dan Kesimpulan:

Dapatan soal selidik secara keseluruhannya positif - majoriti bersetuju bahawa program SMP telah mencapai objektif-objektif yang ditetapkan. Responden juga menunjukkan kefahaman yang baik tentang konsep perpaduan dan patriotisme.

Semua pernyataan soalan dalam soal selidik adalah berbentuk positif. Ini telah menyebabkan kecenderungan sebahagian responden untuk memberikan jawapan yang positif kepada semua soalan supaya soal selidik dapat diselesaikan dalam jangka waktu yang pendek (contoh, dengan memberi jawapan "Sangat setuju" kepada semua soalan). Dari 7,099 responden yang menjawab soal selidik, hanya 4,348 sahaja dimanfaatkan untuk analisis setelah ditapis responden yang memberi jawapan ekstrem untuk semua soalan yang berdasarkan skala Likert, iaitu "Sangat setuju" atau "Sangat tidak setuju". Selain itu, laras bahasa dalam soalan didapati agak tinggi untuk difahami oleh masyarakat umum daripada pelbagai latar belakang.

Kaedah soal selidik yang dilaksanakan mempunyai keterbatasan dalam membuat penilaian keberkesanan program SMP kerana tiada perbandingan yang dapat dibuat, sebelum dan selepas program berlangsung atau dengan kumpulan sasar yang tidak hadir ke program.

Sehubungan itu, kaedah penilaian keberkesanan program yang dicadangkan untuk masa hadapan ialah seperti *pre-post*, *simple difference* atau *randomised evaluation* (J-PAL, 2021) agar dapatan yang diperolehi lebih boleh dipercayai.

Penilaian keberkesanan program hendaklah dilaksanakan berdasarkan hasil (*outcome*) yang ingin dicapai serta objektif-objektif yang ditetapkan (J-PAL, 2021), seperti yang dicadangkan dalam Rajah 4.1.



Rajah 4.1: Cadangan penilaian keberkesanan program

Penilaian keberkesanan program perlu dirancang sebelum sesuatu program dilaksanakan, dengan mengambil kira aspek kepraktikan pengukuran hasil atau indikator sama ada sebelum atau/dan selepas program dilaksanakan.

Untuk meningkatkan keberkesanan program SMP akan datang, dicadangkan agar ia dilaksanakan berdasarkan defisit sosial yang dikenalpasti di kalangan kumpulan sasar di setiap negeri. Bersesuaian dengan pendekatan dasar berasaskan bukti (*evidence-based policy*), defisit sosial hendaklah dikenalpasti berdasarkan statistik atau/dan melalui kajian yang berkaitan, rujuk Rajah 4.2. KPN telah mengenalpasti 10 defisit sosial di kalangan masyarakat Malaysia (KPN, 2023b).



Rajah 4.2: Proses pelaksanaan program yang berkesan

Program-program yang dirancang untuk memberi kesan yang ketara dan menelan belanja yang besar hendaklah dinilai keberkesananannya. Ini bermakna tidak semua program perlu dilaksanakan kajian penilaian keberkesanan.

Pertubuhan IKRAM Malaysia (IKRAM) merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kementerian Perpaduan Negara yang telah memberikan dana untuk melaksanakan kajian ini.

References:

J-PAL, 2021. Evaluating Social Programs.

Kementerian Perpaduan Negara. Dasar Perpaduan Negara (DPN)

Kementerian Perpaduan Negara, 2023a. Program Sambutan Minggu Perpaduan 2023

Kementerian Perpaduan Negara, 2023b. Kerangka Membangun Malaysia MADANI melalui konsep Perpaduan Dalam Kepelbagaian

Kementerian Perpaduan Negara. Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030

NOTE: THE REQUIRED NUMBER OF PAGES FOR PAPER IS SIX PAGES